

PENGGUNAAN DAN SALAH GUNAAN GRAF KEWANGAN DI DALAM LAPORAN TAHUNAN

*Nurwati Ashikkin Ahmad Zaluki
Shamharir Abidin¹*

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan kelebihan penggunaan graf bagi tujuan mengkomunikasikan maklumat kewangan. Di samping itu, ia turut membincangkan bagaimana graf boleh digunakan untuk menyimpangkkan persepsi pengguna dan seterusnya menggagalkan fungsi graf sebagai suatu alat komunikasi. Sorotan karya terdahulu dan dapatan kajian oleh Shamharir, Md Subaimi dan Nurwati Ashikkin (2000) berkenaan penggunaan dan salahgunaan graf di Malaysia juga digunakan untuk membincangkan kajian ini.

PENGENALAN

Artikel ini membincangkan penggunaan graf dalam laporan tahunan syarikat bagi tujuan menjadikan komunikasi sesuatu maklumat kewangan menjadi cekap dan berkesan. Beberapa kelebihan dan kelemahan penggunaan graf serta dapatan kajian yang dijalankan di Malaysia turut dibincangkan pada akhir bahagian. Setiap tahun, syarikat di seluruh dunia membelanjakan sejumlah wang yang besar semata-mata bagi menerbitkan laporan tahunan. Antara tujuan penerbitan laporan ini adalah untuk membolehkan syarikat membentangkan laporan kewangan. Di Malaysia, Akta Syarikat 1965 (seksyen 170) menghendaki pihak pengurusan syarikat membentangkan penyata kewangan syarikat kepada semua ahli syarikat tidak kurang 14 hari sebelum mesyuarat agung tahunan (AGM) diadakan. Laporan kewangan perlu dibentangkan bersama laporan lain di dalam dokumen yang dikenali sebagai Laporan Tahunan Syarikat. Laporan tahunan syarikat merupakan sumber maklumat yang penting kepada mereka yang berminat dengan hal-ehwal syarikat. Para pelabur, kreditor, pihak berkuasa, penyelidik serta sesiapa sahaja mungkin bergantung kepada laporan tahunan syarikat bagi memenuhi tujuan-tujuan tertentu. Bagi para pelabur misalnya, laporan tahunan memberikan mereka maklumat asas berkenaan kekuatan dan kelemahan syarikat. Kreditor pula mungkin lebih berminat dengan prestasi kewangan syarikat. Sementara itu, para penyelidik pula menjadikan laporan tahunan sebagai satu bahan rujukan yang amat penting dalam menjayakan penyelidikan mereka.

Selain memenuhi keperluan perundangan, laporan ini juga berfungsi sebagai medium komunikasi antara pihak pengurusan syarikat dan juga pemegang saham. Dalam dunia perniagaan moden, wujud pemisahan antara pemilik iaitu pemegang saham dan pihak pengurusan. Bagi membolehkan pemegang saham mengetahui hal-ehwal perjalanan syarikat serta kedudukan kewangannya, maklumat yang berkaitan perlu dilaporkan oleh pihak pengurusan kepada mereka. Antaranya ialah dengan mengkomunikasikan maklumat yang diperlukan melalui laporan tahunan.

Namun begitu, bagi membolehkan laporan tahunan melaksanakan fungsi komunikasi secara optimum, isi kandungannya perlu disampaikan kepada para pemegang saham atau sesiapa sahaja dengan cara yang berkesan serta mudah difahami. Aspek ini amat penting kerana pada masa kini para pengguna laporan tahunan tidak lagi terhad kepada mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan dan perakaunan sahaja. Sesiapa sahaja yang mempunyai kepentingan secara langsung ataupun sebaliknya mungkin berminat untuk memperolehi maklumat melalui laporan tahunan. Bagi mereka yang tidak memahami soal kewangan dan perakaunan, tentulah akan berasa sukar untuk memahami kandungan penyata kewangan. Sejarah dengan itu, syarikat perlu memastikan kandungan dalam laporan tahunan, terutamanya bahagian kewangan mudah difahami oleh kebanyakan pembaca tanpa mengira tahap latar belakang pendidikan mereka. Jika tidak, golongan pengguna ini terpaksa bergantung kepada sumber lain untuk mendapatkan maklumat kewangan yang mereka perlukan. Antara laporan alternatif yang sering dipilih adalah laporan pengarah ataupun laporan pengerusi syarikat yang pada kebiasaannya dipersembahkan dalam bentuk penceritaan.

Namun begitu, kajian oleh Subramaniam, Insley & Blackwell (1993) menunjukkan bahawa tahap kebolehbacaan maklumat yang dipaparkan dalam bentuk penceritaan ini seringkali dipengaruhi oleh prestasi syarikat. Mereka mendapati tahap kebolehbacaan adalah tinggi apabila syarikat menunjukkan prestasi kewangan yang baik, dan menjadi rendah apabila prestasi syarikat adalah sebaliknya. Menurut Subramaniam et al. (1993) apabila laporan dalam bentuk penceritaan yang sukar difahami diedarkan, pihak pengurusan berharap pengguna tidak akan memberi tumpuan kepada laporan tersebut dan seterusnya tidak ramai antara mereka yang menyedari prestasi sebenar syarikat. Akhirnya, pihak pengurusan akan dapat mengelak daripada dipersoalkan oleh para pelabur berkenaan prestasi mereka.

Disebabkan oleh beberapa kelemahan pelaporan dalam bentuk penceritaan, pelaporan yang menggunakan teknik bergambar dicadangkan sebagai satu alternatif. Penggunaan teknik ini disarankan kerana ia berupaya meningkatkan proses komunikasi dengan cara yang lebih ringkas serta lebih berkesan. Antara kaedah bergambar yang popular terutamanya bagi mengkomunikasikan maklumat kewangan ialah melalui graf. Penggunaan graf berupaya meningkatkan keberkesanan proses komunikasi apabila ia dibina mengikut prinsip pembinaan graf yang betul. Jika tidak, ia juga berpotensi untuk menyimpangkan persepsi pengguna dan seterusnya berkemungkinan mendorong mereka membuat keputusan kewangan yang salah dan mungkin merugikan.

Bahagian seterusnya akan membincangkan jumlah kos yang dilibatkan dalam proses penerbitan laporan tahunan. Di samping itu, kelebihan graf sebagai medium komunikasi turut juga dibincangkan. Seterusnya Bahagian Ketiga membincangkan isu salahgunaan graf bagi menyimpangkan persepsi pengguna. Kajian terdahulu dilaporkan dalam Bahagian Keempat. Ini diikuti dengan perbincangan dapatan kajian Shamharir, Md Suhaimi & Nurwati Ashikkin (2000) berkenaan penggunaan dan salahgunaan graf di Malaysia dalam Bahagian Lima dan Bab Terakhir adalah kesimpulan.

KOS PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN DAN KELEBIHAN GRAF

Penyata kewangan merupakan bahagian yang terpenting dalam laporan tahunan syarikat. Ia juga merupakan satu kaedah yang berguna bagi tujuan menganalisis pelaburan. Penggunaan teknik penceritaan dan jadual yang lazimnya digunakan untuk menerangkan angka kewangan hanya akan menjadikan laporan tahunan kurang menarik dan sukar untuk difahami. Ini tentulah akan merugikan pihak syarikat terutamanya setelah melibatkan sejumlah besar sumber kewangan bagi tujuan penyediaan dan pengedaran laporan tahunan mereka.

Bagi merealisasikan penerbitan laporan tahunan, setiap syarikat perlu membelanjakan sejumlah wang yang besar. Jumlah ini bertujuan untuk menampung kos upah, kos rekabentuk dan juga kos penerbitan. Selain daripada itu, kos pengedaran juga perlu dilibatkan. Kajian yang telah dijalankan oleh Sedgwick & Gibson pada tahun 1984 di Australia mendapati kos untuk menerbitkan sebuah laporan tahunan yang dianggarkan mengandungi purata 50 muka surat melibatkan kos sebanyak AUS\$2 hingga AUS\$8 bagi setiap salinan. Sementara itu di United Kingdom pula, perbelanjaan yang lebih tinggi dilaporkan di mana untuk menerbitkan sebuah laporan tahunan, kira-kira £20 (RM120) diperlukan dan kos keseluruhan mencecah angka £800,000 (RM4 juta). Namun begitu, kajian yang dilakukan oleh Hawkins & Hawkins pada tahun 1986 melaporkan hanya kira-kira 3 peratus sahaja daripada pelabur yang menggunakan laporan tahunan bagi tujuan membuat keputusan berkenaan pelaburan dan kebanyakan mereka hanya meluangkan masa kira-kira 5 hingga 15 minit untuk membacanya. Antara sebab laporan tahunan kurang dirujuk adalah kerana ia dianggap terlalu kompleks serta terperinci (Rezaee & Porter, 1993).

Bagi mengatasi masalah tersebut, graf boleh digunakan. Penggunaan graf merupakan satu daripada kaedah visual untuk mengkomunikasikan maklumat, kerana ia lebih mudah difahami dan diingati oleh manusia. Malah graf juga mampu menjadikan sesuatu laporan lebih menarik terutamanya apabila warna yang bersesuaian digunakan. Ia juga berupaya untuk mengkomunikasikan maklumat dengan lebih berkesan. Malahan, maklumat-maklumat berkenaan pola dan perubahan dapat ditunjukkan dengan lebih tepat serta mudah pula difahami, graf juga berupaya meringkaskan maklumat kewangan agar pembaca dapat memahaminya dalam masa yang singkat tanpa perlu melibatkan masa yang panjang.

Kelebihan yang dimiliki oleh graf untuk mengkomunikasikan maklumat, menjadikan penggunaannya dalam laporan tahunan semakin diberi perhatian. Di samping itu, perkembangan teknologi maklumat yang menyediakan pelbagai jenis perisian bagi memudahkan proses pembinaan graf turut juga menyumbang kepada peningkatan penggunaannya, terutamanya dalam laporan tahunan.

PENYIMPANGAN PERSEPSI: PENYALAHGUNAAN GRAF

Walaupun graf dapat digunakan untuk meningkatkan keberkesanannya komunikasi, ia juga memberi peluang kepada pembuatnya untuk menyimpangkan persepsi pengguna. Terdapat dua sebab yang mengakibatkan fungsi graf sebagai suatu alat komunikasi tidak dapat dilaksanakan secara berkesan, malah kadang-kala mengelirukan. Pertama terdapat unsur pemilihan (*selectivity*) yang melibatkan keputusan sama ada hendak menggunakan graf ataupun tidak. Jika graf dipilih untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunan, terdapat pula unsur pemilihan yang seterusnya. Contohnya pemilihan jenis graf dan juga pembolehubah yang akan digunakan untuk membina graf. Faktor kedua adalah kegagalan untuk mematuhi prinsip-prinsip pembinaan graf yang baik. Antaranya ialah membina graf yang paksinya tidak bermula dengan sifar ataupun paksi graf dipendekkan ketika membina graf tersebut. Selain daripada dua faktor yang dinyatakan, Beattie dan Jones (1992) menyenaraikan tiga lagi keadaan yang tidak mematuhi prinsip pembinaan graf. Keadaan tersebut adalah penggunaan skala yang bukan bernombor, paksi graf bernilai negatif dikecilkan dan yang terakhir ialah keadaan di mana saiz graf yang dibentuk tidak berkadarannya langsung dengan nilai nombor yang digunakan.

Terdahulu daripada itu, Steinbart (1989) telah mengkelaskan tiga kriteria untuk membina graf yang tepat. Kriteria yang pertama ialah perlunya wujud kesamaan antara nilai bernombor di graf dengan yang ada di dalam pernyataan kewangan. Kriteria yang kedua pula ialah perlu adanya ketekalan yang ditunjukkan antara perubahan nilai di graf dengan gambarajah graf itu sendiri. Kriteria yang terakhir ialah format graf yang tidak sepatutnya melindungi atau mengaburi data-data yang cuba dipersembahkan.

Kriteria yang kedua diutarakan oleh Steinbart (1989) ini mempunyai kesamaan dengan keadaan kedua yang disarankan oleh Beattie & Jones (1992). Kedua-dua kajian menggunakan *Graph Discrepancy Index* (GDI) yang disesuaikan dari “*lie factor*” yang diperkenalkan oleh Tufte (1983) untuk mengukur tahap penyimpangan yang diakibatkan oleh struktur graf. Beattie dan Jones (1992) merujuk penyimpangan ini sebagai “penyimpangan pengukuran”. *Graph Discrepancy Index* (GDI) yang dimaksudkan biasanya digunakan untuk mengenalpasti tahap penyimpangan pengukuran dengan cara menentukan samada suatu graf dipaparkan dengan cara yang boleh menyimpangkan persepsi pengguna ataupun tidak. Pada dasarnya, suatu graf yang baik semestinya dilukis berkadarannya secara langsung dengan kenaikan atau penurunan data kewangan yang sebenar. Sebagai contoh, jika ketinggian 10 sentimeter mewakili untung sebanyak RM100,000 maka ketinggian 10 sentimeter juga perlu ditunjukkan untuk mewakili kerugian sebanyak RM100,000. GDI secara khususnya mengukur samada prinsip pembinaan ini dipatuhi atau tidak. GDI dikira berdasarkan persamaan yang ditunjukkan di Rajah 1 di bawah:

Rajah 1
Persamaan Graf Discrepancy Index (GDI)

$$\text{GDI} = (a/b - 1) \times 100\%$$

Di mana;

a = Peratusan perubahan saiz (dalam sm) graf

b = Peratusan perubahan data

Sumber: Beattie dan Jones (1992)

GDI positif menggambarkan bahawa graf tersebut dilebihnyata atau diperbesarkan sementara GDI negatif bermaksud graf tersebut cuba dikurangnyata atau dikecilkan. Jika GDI bersamaan dengan sifar (0), ia bermakna bahawa tiada penyimpangan yang berlaku. Walaupun indeks ini digunakan oleh ramai penyelidik, ia juga mempunyai beberapa kelemahan. Antaranya ialah ia hanya mengukur penyimpangan dari segi pembinaan graf sahaja dan seterusnya ia sensitif terhadap perubahan data yang melibatkan jumlah yang besar. Namun begitu ia adalah ukuran terbaik yang terdapat setakat ini.

KAJIAN TERDAHULU PENGGUNAAN DAN SALAH GUNAAN GRAF DALAM LAPORAN TAHUNAN

Kajian berkenaan penggunaan graf dalam laporan tahunan menunjukkan perbezaan yang ketara bagi syarikat di United Kingdom dan Amerika Syarikat dengan syarikat di Asia. Steinbart (1989) yang mengkaji 319 syarikat Fortune 500 mendapati 79 peratus (252 syarikat) menggunakan graf dalam laporan tahunan mereka. Peratusan yang sama juga telah direkodkan oleh Beattie dan Jones (1992) yang mengkaji laporan tahunan syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham London. Namun begitu, peratusan yang agak rendah telah direkodkan dalam kajian ke atas syarikat berhad dan separa kerajaan di Ireland. Kajian yang dilakukan oleh Green, Kirk dan Rankin (1992) mendapati hanya 54 peratus daripada syarikat yang dikaji memasukkan graf ke dalam laporan tahunan mereka.

Kajian yang dilakukan di Hong Kong pula merekodkan tahap penggunaan graf yang jauh lebih rendah. Kajian oleh John (1997) telah membahagikan syarikat-syarikat kepada dua sampel yang berbeza iaitu: (i) syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Hong Kong dari tahun 1992-1993 dan (ii) syarikat yang tersenarai di bursa saham yang sama tetapi bagi tahun yang berbeza iaitu 1994-1995. Sebanyak 364 syarikat dikaji bagi tahun 1992-1993 dan 327 syarikat bagi tahun 1994-1995. Sampel pertama hanya mencatatkan penggunaan graf sebanyak 38 peratus (140 syarikat) dan yang kedua hanya 35 peratus (116 syarikat). Tahap penggunaan graf bagi kedua-dua sampel tersebut nyata jauh lebih rendah berbanding syarikat-syarikat di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Antara sebab yang menjelaskan peratusan yang rendah tersebut ialah pemilikan saham dan penguasaan kerusi lembaga pengarah. Di Hong Kong menurutnya, kebanyakan saham sesebuah syarikat dikuasai oleh keluarga tertentu,

begitu juga keanggotaan lembaga pengaruhnya. Disebabkan wujud ikatan kekeluargaan tersebut, pihak pengurusan syarikat merasakan suatu bentuk komunikasi yang meluas tidak diperlukan dan sejarar dengan itu tiada usaha untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi melalui penggunaan graf dilakukan.


Kajian oleh Steinbart (1989), Beattie & Jones (1992) difokuskan kepada graf yang dibina dengan menggunakan pembolehubah yang terdiri daripada petunjuk kewangan utama. Pembolehubah petunjuk kewangan yang digunakan oleh Steinbart (1989) terdiri daripada jualan, pendapatan sebelum cukai dan dividen sesaham. Sementara itu, Beattie & Jones (1992) memasukkan perolehan sesaham sebagai tambahan. Kedua-dua kajian mendapati wujudnya penggunaan teknik “penyimpangan pengukuran” yang melibatkan 26 peratus daripada graf yang dikaji oleh Steinbart (1989) dan 20 peratus daripada graf dalam kajian Beattie & Jones (1992). Kedua-dua kajian itu seterusnya mendapati kebanyakan penyimpangan pengukuran yang dilakukan adalah bertujuan untuk memaparkan prestasi kewangan agar kelihatan lebih baik.

Di Asia pula, John (1997) mendapati 52 peratus daripada graf yang digunakan dalam laporan tahunan oleh Syarikat Hong Kong dikelaskan sebagai mengelirukan. Namun begitu, kajian ini tidak hanya terhad kepada penggunaan teknik “penyimpangan pengukuran”. Sebaliknya, penggunaan kesan visual kreatif (contoh: kesan 3D) juga dikelaskan sebagai berpotensi menyimpangkan persepsi pengguna.

PERSEMPAHAN GRAF KEWANGAN DI MALAYSIA

Kajian berkenaan penggunaan graf di Malaysia yang dijalankan oleh Shamharir, Md.Suhaimi & Nurwati Ashikkin (2000) mendapati 70 peratus daripada syarikat yang disenaraikan di BSKL menggunakan graf dalam laporan tahunan mereka. Mereka juga mendapati lebih daripada 50 peratus syarikat dalam setiap sektor industri menggunakan graf dalam laporan tahunan. Sektor perdagangan dan perkhidmatan mempunyai bilangan syarikat terbanyak menggunakan graf (lebih 82 peratus). Terdapat lebih 70 peratus syarikat dalam sektor yang lain menggunakan graf. Namun bagi sektor hartanah dan sektor perladangan, hanya 50 peratus dan 58 peratus syarikat yang menggunakan graf dalam laporan tahunan masing-masing. Pecahan lengkap ditunjukkan dalam Rajah 2.


Rajah 2
Penggunaan Graf Berdasarkan Industri (1997)



Sumber: Digraf berdasarkan data penyelidikan Shamharir et al. (2000)

Rajah seterusnya memaparkan penggunaan graf mengikut jenis sebagaimana digunakan dalam laporan tahunan. Berdasarkan Rajah 3, graf bar merupakan bentuk graf yang paling banyak digunakan iaitu sebanyak 86.56 peratus daripada keseluruhan jumlah graf. Penggunaan graf garis dan graf pai pula pula adalah minimum dengan kadar penggunaan masing-masing berjumlah 6.81 peratus dan 5.73 peratus. Purata empat buah graf digunakan oleh setiap syarikat dalam laporan tahunan masing-masing. Jumlah ini menjadi enam buah graf apabila hanya syarikat yang menggunakan graf diambil kira.

Rajah 3
Penggunaan Graf Mengikut Jenis (1997)




Sumber: Digraf berdasarkan data penyelidikan Shamharir et al. (2000)

Berdasarkan Graph Discrepancy Index yang dibincangkan sebelum ini, kajian Shamharir et al. (2000) menunjukkan bahawa lebih daripada 53 peratus graf yang dikaji, tidak menunjukkan penyimpangan yang material. Selebihnya pula didapati membesar atau mengecilkan graf dengan kadar melebihi $GDI > 5\%$. Terdapat 4.43 peratus graf yang dibesarkan melebihi $GDI > 50\%$ dan 3.45 peratus dikecilkan melebihi $GDI > -50$. Rajah 4 berikut mengelaskan tahap penyimpangan pembinaan graf berdasarkan GDI.

Hasil kajian mereka juga menunjukkan bahawa apabila prestasi kewangan syarikat merosot berbanding tahun sebelumnya, majoriti graf (60.87 peratus) dipaparkan dengan cuba menunjukkan keadaan yang lebih baik iaitu dengan cara membesarkan saiz graf yang berkenaan. Namun terdapat 39.13 peratus yang mengecilkan saiz graf. Terdapat 57.14 peratus graf yang mengecilkan peningkatan prestasi kewangan syarikat dan 42.86 peratus yang lain pula, membesarkan peningkatan tersebut.

Rajah 4
Penyimpangan Pembinaan Graf (1997)



Sumber: Digraf berdasarkan data penyelidikan Shamharir et al. (2000)

Antara sebab utama penyimpangan yang dikenalpasti oleh Shamharir et al. (2000) ialah:

- Graf dilukis dengan tidak berkadar secara langsung dengan nilai yang cuba dipaparkan (88.67 peratus),
- Paksi y (tegak) dilukis dengan tidak dimulakan dengan sifar (39 peratus), dan
- Graf yang dipendekkan nilai negatifnya (1.48 peratus). Daripada kesemua graf yang dikaji hanya terdapat 2.46 peratus graf yang dilukis tanpa sebarang penyimpangan.

KESIMPULAN

Penggunaan graf kian popular bagi syarikat yang mahu mempersembahkan maklumat kewangan terutamanya yang bersifat kuantitatif. Namun begitu penggunaan graf haruslah berdasarkan prinsip-prinsip pembinaan yang betul. Kegagalan membina graf dengan tidak menurut kaedah yang betul akan menyebabkan keupayaan graf sebagai medium komunikasi menjadi terbatas. Malah, dalam keadaan tertentu akan menyebabkan berlakunya unsur-unsur penyimpangan persepsi.

Bukti daripada kajian yang dilakukan di Malaysia menunjukkan tahap penggunaan graf yang masih rendah dan pada masa yang sama mengandungi unsur penyimpangan terutamanya dari segi pembinaan. Bagi membolehkan graf digunakan secara optimum dengan potensi penyimpangan yang minimum, satu garis panduan yang piawai perlu diwujudkan terutama bagi syarikat tersenarai di bursa saham. Pihak berkuasa, seperti Suruhanjaya Sekuriti, perlu menggalakkan lebih banyak syarikat menggunakan graf bersama-sama maklumat berbentuk lain. Di samping menggalakkan penggunaannya, badan tersebut perlu juga mengambil langkah untuk memastikan tiada unsur salahgunaan atau penyimpangan dilakukan.

Nota Akhir

¹Shamharir Abidin merupakan seorang pensyarah di Sekolah Perakaunan, Universiti Utara Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Beattie, V., & Jones, M. (1992). The use and abuse of graphs in annual reports: Theoretical framework and empirical study. *Accounting and Business Research* 22(88), 291-303.
- Beattie, V., & Jones, M. (1993). Graphs in annual reports: Benefits and pitfalls. *Management Accounting* 71(6), 38.
- Green, P., Kirk, P., & Rankin, C. (1992, November). Graphs: The use and abuse. *Certified Accountant*, 8.
- Hawkins, D., & Hawkin, B. A. (1986, Jan/Feb). The effectiveness of the annual reports as a communication vehicles. *Financial Executive Research Foundation*.
- Holliday, K. K. (1994). Annual report as marketing tools. *Bank Marketing* 26(8), 22.
- John, K. C. (1997). Corporate annual report graphical communication in Hong Kong: effective or misleading? *The Journal of Business Communication* 34(3), 269-288.
- Lee, T. A., & Tweedie, D. P. (1976). The private shareholder: His sources of financial information and his understanding of reporting practices. *Accounting and Business Research* 6(24), 304-314.
- Rezaee, Z., & Porter, G. L. (1993). Can the annual report be improved. *Review of Business* 15(1), 38.
- Sedgwick, G., & Gibson, R. W. (1984, December). Do annual reports cost too much? *The Chartered Accountant in Australia*, 43.
- Shamharir, Md Suhaimi & Nurwati Ashikin (2000). Persembahan Graf dalam Laporan Tahunan: Kajian Awal ke Atas Syarikat Tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Ke-6. Universiti Utara Malaysia, Kedah, 6 Julai.
- Smith, M., & Taffler, R. (1992). The chairman's statement and corporate financial performance. *Accounting and Finance* 32(1), 75-90.
- Steinbart, P. T. (1989). The auditor's responsibility for the accuracy of graphs in annual reports: Some evidence of the need for additional guidance. *Accounting Horizons* 3(3), 60-70.
- Subramaniam, R., Insley, R. G., & Blackwell, R. D. (1993). Performance and readability: A comparison of annual reports of profitable and unprofitable corporations. *The Journal of Business Communication*, 30, 49-61.
- Tu, E. R. (1983). *The Visual Display of Qualitative Information*. Cheshire, CT: Graphics Press.
- Wilson, K., & Stanton, P. P. (1996, June). Pretty pictures, damned lies and graphs in reports. *Australian Accountant* 66(5), 42.